



Edisi Ketiga 2012

Bilangan 09 \* Percuma

[www.maipk.gov.my](http://www.maipk.gov.my)

# Wadah MAIPK

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

*Penyerahan*  
**CEK ZAKAT PERNIAGAAN  
RM13 JUTA**

**Biasiswa  
MAIPK 2012**

**STRATEGI  
LAUTAN BIRU  
NEGARA KEJIRANAN  
INDAH**

## SIDANG REDAKSI

### Penasihat

Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin b. Syed Ikhsan

### Ketua Editor

En. Wan Abdul Halim Hafiidz b. Mohd Amin

### Editor

En. Ahmad Mokhtarzam bin Zainal Abidin

### Penolong Editor

Cik Muhsinatun bt. Muhammad Ghufran

### Editor Bersekutu

Bahagian Zakat

Pejabat-Pejabat MAIPk Daerah

### Jurufoto

En. Aizat b. Sabri

En. Mohd Sharizal bin Mat Sah

### Edaran

Unit Perhubungan Korporat

### Diterbitkan oleh

Unit Perhubungan Korporat

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
30000 Ipoh, Perak.

Tel: 05-208 4000 Faks: 05-241 4257

### Laman web

[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)

### Emel

[korporat@maiamp.gov.my](mailto:korporat@maiamp.gov.my)

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiaran, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertuliskan daripada penerbit Wadah MAIPk. Sidang Editor mengalu-alukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

## KANDUNGAN

Sudut Editor 2

Semasa 3 & 4 & 5 & 6 & 7

Berita Sana Sini 8 & 9

Info Daerah 10

Info Taksiran 11

Info Agihan 12 & 13 & 14 & 15

Pembayaran Zakat 16

*Dari Majlis  
Ketua Editor*



Assalamualaikum wbt.  
dan salam sejahtera

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah SWT. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW., penghulu segala nabi, keluarga baginda, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup. Alhamdulillah, sehingga kini kita sudah masuk kepada tahun hijrah dan tahun masih yang baharu iaitu 1434H dan 2013. Semoga setiap diri kita mempunyai azam baharu yang ingin dicapai dengan kehendakNya.

Buletin Wadah MAIPk kali ini sudah memasuki bilangan kesembilan sejak diterbitkan pada tahun 2010. Fokus utama penerbitan buletin ini bagi mengetengahkan kepada masyarakat mengenai tata perutusan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) untuk diambil perhatian dan panduan oleh seluruh lapisan masyarakat. Di samping itu, masyarakat dapat mengetahui aktiviti-aktiviti MAIPk terutama yang melibatkan pungutan dan agihan zakat serta pembangunan hartaanah dan wakaf.

Harapan semoga penerbitan buletin ini dapat memberikan informasi terkini kepada para pembaca. Kesedaran masyarakat terhadap perkara-perkara yang berhubung dengan zakat serta wakaf dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi memenuhi tanggungjawab sebagai hamba Allah. Salam hormat.

**WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN**

**TAHNIAH**

Pada kesempatan ini,

Sidang Editor ingin merakamkan ucapan tahniah di atas penganugerahan Tokoh Maal Hijrah 1434H daripada Kerajaan Negeri Perak kepada YBhg. Dato' Sheikh Mohamah Nor bin Mansor.

Semoga dengan penganugerahan tersebut dapat beliau memberi khidmat bakti yang lebih cemerlang pada masa depan.

## PERSIDANGAN MAIPk KALI KE-181

### Keikhlasan Melaksanakan Ibadah Korban

Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak, Raja Dr. Nazrin Shah beritah bahawa, pengurusan kewangan yang sistematik, berhemah dan berintegriti adalah antara faktor penting dan pemangkin kepada kejayaan sesebuah organisasi, pertubuhan dan kerajaan. Setiap entiti ini berupaya berdiri kukuh seandainya segala usaha yang dilaksanakan berhasil melalui perancangan sistematik dan penuh ketelusan. Penerokaan sumber baru dalam meningkatkan pendapatan tahunan MAIPk telah dirintis dan perlu terus ditingkatkan. Kepelbagai sumber pendapatan ini akan menjamin MAIPk berada dalam status kewangan yang stabil.

Baginda juga menyeru umat Islam khususnya di Negeri Perak untuk melaksanakan ibadah korban dengan ikhlas bagi mendapatkan redha Ilahi. Amalan korban yang dibuat untuk tujuan bermegah dan dipuji atau mengharapkan penghormatan daripada orang ramai hendaklah dielakkan.

"Pengorbanan jika dilihat daripada perspektif Islam mempunyai pengertian yang sangat luas. Ia bukan sekadar merujuk kepada ibadah penyembelihan ternakan secara fizikal tetapi ianya mempunyai manfestasi yang lebih dalam. Pengorbanan itu akan dapat dilakukan bilamana seseorang itu berupaya menjingabungkan kekuatan fizikal, emosional, spiritual dan mental. Dalam era yang semakin materialistik sifatnya, aktiviti-aktiviti kebajikan ada kalanya lebih bersifat luaran - bersifat zahiriah dilakukan untuk mendapat pengiktirafan dunia hingga memungkinkan berkembangnya sifat riak. Ada pula melakukan aktiviti berwajah kebajikan secara tersurat tetapi secara tersirat berniat dijadikan umpan dimata kail untuk mendapatkan sesuatu keuntungan: malah aktiviti kebajikan ada kalanya dijadikan topeng untuk melindungi perbuatan rasuah. Berhati-hatilah aktiviti kebajikan bersifat kosmetik dan dengan niat yang serong supaya dikalangan mereka yang memiliki kuasa



tidak dilihat sama-sama bersubahat membenarkan perbuatan rasuah." titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke-181 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 23 Oktober 2012.

Baginda menzahirkan ucapan Selamat Menyambut Hari Raya 'Aidil Adha kepada umat Islam khususnya di Negeri Perak. Baginda turut mendoakan umat Islam yang sedang berada berada di tanah suci selamat menuaikan ibadah haji.

### RM13 JUTA PUNGUTAN ZAKAT DARIPADA 10 AGENSI

KUALA LUMPUR – D.Y.M.M. Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah selaku Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak telah berangkat mencemar duli ke Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan yang melibatkan 10 buah agensi. Baginda berkenan menerima cek daripada Lembaga Air Perak sebanyak RM5,635,809.00, Kumpulan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak sebanyak RM5,273,505.00, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak sebanyak RM862,046.00, Bank Islam Bhd sebanyak RM217,974.00, Hedd Industries Sdn Bhd sebanyak RM210,000.00, Maybank Investment Bank Berhad sebanyak RM200,000.00, Agro Bank sebanyak RM187,945.15, Smart Aladdin Sdn

Bhd sebanyak RM170,000.00, Bank Pembangunan (M) Bhd sebanyak RM164,651.45 dan Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA) sebanyak RM85,737.22.

YAB. Menteri Besar Perak Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abd Kadir turut hadir pada majlis tersebut bagi mewakili Lembaga Air Perak dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak. Pada akhir majlis tersebut, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan selaku Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk telah menerima kesemua cek zakat perniagaan tersebut daripada D.Y.M.M. Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan. Bacaan doa telah disempurnakan oleh Ustaz Mohd Latiff bin Talib, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Dakwah dan Promosi, Bahagian Zakat, MAIPk.



# Seminar ZAKAT

## di UiTM Seri Iskandar



**S**ERI ISKANDAR – Satu seminar zakat telah diadakan di Dewan Kuliah Al-Khawarizmi, UiTM Seri Iskandar, Perak pada 31 Mei 2012. Seminar ini dihadiri oleh sebahagian para pensyarah UiTM Seri Iskandar, para pegawai Baitulmal Daerah, pegawai-pegawai masjid, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung Daerah Perak Tengah, para pelajar UiTM serta masyarakat luar. Antara objektif utama seminar ini adalah untuk membantu masyarakat meningkatkan pengetahuan dan akauntabiliti dalam pembayaran zakat.

Seminar ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Rektor UiTM Perak dan dirasmikan oleh Mufti Perak, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria. Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam

dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan turut memberikan ucaptama yang bertajuk “Menangani Permasalahan Ummah : Pengalaman Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak”.



GAMBAR SEBELAH KIRI  
YABHG. MUFTI NEGERI  
PERAK SEDANG MEMBERI  
UCAPAN PERASMIAN

GAMBAR SEBELAH KANAN  
KETUA PEGAWAI  
EKSEKUTIF MAIPK  
MEMBERIKAN UCAP  
UTAMA DALAM SEMINAR

GAMBAR TENGAH  
YABHG. MUFTI NEGERI  
PERAK MENERIMA  
CENDERAMATA  
KENANGAN DARIPADA  
PIHAK PENGANJUR



Sebanyak tiga kertas dibentangkan pada sesi pertama iaitu “Pelaksanaan Zakat di IPT” diikuti dengan “Aspek-Aspek Ekonomi Dalam Pelaksanaan Zakat” dan diakhiri dengan “Kajian Semula Peranan Amil dalam Amalan Zakat di Malaysia”. Sesi kedua pula dibentangkan tiga kertas bertajuk “Kaedah Penilaian Kelayakan Asnaf-Asnaf Zakat di Negeri Perak”, “Perakaunan Zakat Harta Dari Segi Teori dan Praktikal Terhadap Beberapa Zakat Tertentu” dan “Faktor Kewujudan Golongan Al-Muta’ffifun Yang Tidak Memohon Zakat”. Seminar tersebut tamat pada pukul 5 petang.

## MUZAKARAH ZAKAT dan CUKAI 2012

**I**POH – Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Kinta Utara telah mengadakan Muzakarah Zakat dan Cukai. Majlis tersebut telah diadakan di Hotel Seri Malaysia, Ipoh pada 11 Oktober 2012. Seramai 200 orang peserta daripada kalangan pembantu-pembantu tadbir kewangan yang bertugas di sekolah-sekolah dalam Daerah Kinta Utara dan pegawai-pegawai dari MAIPk telah menyertai muzakarah tersebut. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan telah merasmikan muzakarah tersebut dengan memberikan ucapan utama. Dalam ucapannya, beliau menerangkan

berkenaan peranan dan fungsi MAIPk serta mengalakkan kakitangan awam menyertai skim zakat pendapatan melalui potongan gaji. Pegawai Pelajaran Daerah Kinta Utara, Tuan Haji Marazlen @ Mar Azlan bin Amran memberikan ucapan aluan bahawa, beliau menyokong penuh kerjasama yang wujud antara MAIPk dalam mengalakkan amalan berzakat di kalangan guru-guru dan kakitangan yang berkhidmat di sekolah-sekolah.

Objektif muzakarah ialah memberikan pendedahan dan kefahaman berkaitan dengan pengiraan zakat dan pengisian Borang Potongan Gaji serta kaitan antara rebat potongan cukai dan zakat. Sebanyak dua kertas kerja telah

dibentangkan oleh Ustaz Bakri bin Lee, Penolong Setiausaha, Bahagian Zakat MAIPk bertajuk “Zakat dan Kalkulator” dan Encik Ariff bin Apandi, Penolong Setiausaha Bahagian Kewangan MAIPk bertajuk “Hubungan Zakat dan Cukai”. MAIPk berharap muzakarah yang diadakan ini dapat memberikan kefahaman yang komprehensif kepada pembantu-pembantu tadbir kewangan dalam menguruskan proses potongan gaji guru-guru dan kakitangan yang berkhidmat di sekolah-sekolah di Daerah Kinta Utara. Penghargaan juga kepada Pejabat Pelajaran Daerah Kinta Utara di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan muzakarah tersebut.

SEMUA PELAJAR YANG TERIMA BIASISWA MAIPK  
BERGAMBAR BERSAMA-SAMA DENGAN TETAMU-TETAMU MAJLIS



PSU ZAKAT SEDANG  
MEMBERIKAN UCAPAN  
ALU-ALUAN MAJLIS

## Pelajar Terima BIASISWA MAIPK

**I**POH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Penyampaian Biasiswa Pelajaran Baitulmal 2012 pada 08 November 2012 di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Biasiswa ini diberikan kepada 50 orang pelajar sekolah menengah tingkatan 1 yang dipilih daripada seluruh sekolah menengah di Negeri Perak Darul Ridzuan. Para pelajar dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak MAIPk. Pelajar yang terpilih akan menerima biasiswa berjumlah RM1,000.00 setahun dan segala butiran perbelanjaan akan dikawal selia oleh guru pelajar sekolah berkenaan. Biasiswa ini diberikan sehingga pelajar tersebut selesai belajar di peringkat sekolah menengah.

Ini merupakan kali pertama MAIPk melaksanakan skim biasiswa yang

merupakan bantuan tahunan kepada para pelajar sekolah. Para pelajar yang terpilih untuk menerima biasiswa ini akan dipantau daripada segi prestasi akademik, sahsiah diri serta penglibatan kokurikulum mereka oleh pihak MAIPk dengan kerjasama guru-guru pelajar sekolah berkenaan.

Antara jemputan yang hadir pada majlis ini ialah Tuan Haji Mohamad Bin Yahya, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pegawai-Pegawai Pelajaran Daerah, Pegawai-Pegawai Baitulmal Daerah, pengetua-pengetua sekolah, guru-guru pengiring, ibu bapa serta para pelajar yang diraikan. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBhg. Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan merasmikan majlis ini serta menyampaikan cek biasiswa MAIPk kepada semua pelajar yang terpilih.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MENYAMPAIKAN CEK  
BIASISWA MAIPK KEPADA SALAH SEORANG PELAJAR  
YANG TERPILIH



SEBAHAGIAN PELAJAR KE TIMUR TENGAH  
MENGHADIRI PROGRAM INI



KETUA PENOLONG SETIAUSAHA MAIPK MENYERAHKAN  
CEK REPLIKA TIKET PENERBANGAN KE TIMUR TENGAH  
KEPADА WAKIL PELAJAR

## Program Ramah Mesra BERSAMA ASNAF IBNU SABIL

**I**POH – Bertempat di Auditorium Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan telah berlangsung Program Ramah Mesra Bersama Asnaf Ibnu Sabil pada 29 Ogos 2012. Program ini dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) khususnya Unit Agihan Zakat yang berkoncepkan hubungan silaturahim antara para penerima bantuan dan pihak MAIPk. YBrs. Ustaz Mohd Haidi bin Sulaiman, Ketua Penolong Setiausaha MAIPk telah merasmikan program ini seterusnya menyampaikan replika cek bantuan bagi pelajar asnaf Ibnu Sabil yang berjumlah RM260,657.00 kepada wakil pelajar baru yang ingin melanjutkan pengajian di luar negara. Seramai 91 pelajar melanjutkan pelajaran ke Jordan, 22 orang pelajar melanjutkan pelajaran ke Mesir, 13 orang pelajar melanjutkan pelajaran ke

Indonesia dan seorang pelajar melanjutkan pelajaran ke Maghribi. Turut hadir ke program ini ialah Ustaz Bakri bin Lee, Penolong Setiausaha Bahagian Zakat dan Puan Hajah Wan Maizura binti Hj. Wan Zahari, Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah dan Pelaburan.

Antara objektif utama adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar yang melanjutkan pengajian mereka ke luar negara mengenai prosedur serta proses yang terlibat sepanjang perjalanan mereka ke tempat terbabit. Selain itu juga, pihak MAIPk turut menjemput para pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka di luar negara untuk sama-sama membantu dalam memberi penerangan serta berkongsi pengalaman bersama-sama para pelajar baharu.

# Program Halaqatul-Tujjar

## Bersama PETRONAS DAGANGAN

**I**POH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) bersama Petronas Dagangan telah menganjurkan satu program yang dinamakan *Halaqatul-Tujjar* pada 22 Oktober 2012 di Kinta Riverfront Hotel, Ipoh. *Halaqatul-Tujjar* membawa maksud perhimpunan semua peniaga. Program tersebut telah diadakan khusus untuk memberikan penerangan dan meningkatkan kesedaran amalan berzakat di kalangan pengusaha-pengusaha stesyen minyak Petronas di seluruh negeri Perak. YBhg Dato’ Sheikh Mohamah Nor bin Mansur, Pegawai Agama MAIPk mewakili Ketua Pegawai Eksekutif, MAIPk memberikan ucapan seterusnya merasmikan program tersebut. Beliau turut menerangkan

tema program sesuai dengan tindakan mengumpulkan semua pengusaha stesyen minyak Petronas dari seluruh negeri Perak. Beliau juga menegaskan bahawa setiap amalan dalam perniagaan mestilah amalan yang tidak merosakkan demi memperolehi keberkatan. Di samping galakan berzakat, dijelaskan juga agihan wang zakat disalurkan di Negeri Perak. Wakil daripada Petronas Dagangan Bhd iaitu Tuan Syed Azmir bin Syed Abdullah selaku Pengurus Wilayah Runcit turut memberikan ucapan aluan. Beliau menzahirkan penghargaan di atas kerjasama yang dijalankan dalam usaha untuk memartabatkan zakat perniagaan khususnya kepada pengusaha-pengusaha stesyen minyak Petronas di Negeri Perak.

Sebelum majlis perasmian diadakan,



satu pembentangan kertas bertajuk Zakat Perniagaan oleh Tuan Haji Abd Aziz Abu Bakar, Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA) disampaikan kepada para hadirin. Pada akhir majlis ini, cenderahati disampaikan kepada Tuan Syed Azmir bin Syed Abdullah dan Tuan Haji Abd Aziz Abu Bakar oleh Pegawai Agama MAIPk. Semoga jalinan kerjasama antara MAIPk dan sektor swasta dalam usaha mertabatkan amalan berzakat ini diredhai Allah S.W.T.



## MANGSA KEBAKARAN TERIMA BANTUAN RUMAH

**L**AYANG-LAYANG KIRI – Kegembiraan jelas terpancar di wajah Encik Muhammad Nur Hariri Bin Hasan, seorang peniaga sayur yang menerima bantuan rumah baharu dari Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) setelah rumah lamanya telah hangus dililat api dalam kebakaran yang berlaku sebelum ini. Encik Muhammad Nur Hariri bin Hasan merupakan seorang orang kurang upaya (OKU) yang hanya menggunakan basikal roda tiga sebagai kendaraan untuk berniaga.

Usaha pembinaan rumah bantuan tersebut dilakukan menerusi Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar Strategi Lautan Biru Negara Kejiranran Indah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama MAIPk serta Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak. Rumah bantuan tersebut bernilai RM28,500 dibina pada tapak asal rumah yang terbakar oleh 30 anggota bomba dan penyelamat yang terpilih dari seluruh negeri Perak.

Sebagai tanda penghargaan, kesemua 30 orang anggota bomba dan penyelamat

terpilih dari seluruh negeri Perak yang terlibat secara langsung dalam pembinaan rumah ini dianugerahkan sijil penghargaan dalam satu majlis penyerahan kunci pada 18 September 2012 yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak dan MAIPk. Dalam majlis itu juga diadakan penyerahan kunci rumah baharu kepada Encik Muhammad Nur Hariri oleh Ketua Setiausaha KPkt, Datuk Arpah Abdul Razak. Turut menyaksikan penyerahan tersebut ialah Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negara, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan. Selain itu, upacara penanaman pokok juga turut dijalankan sebagai simbolik kepada pembinaan rumah baharu untuk penerima bantuan terbabit.



## PENGANJURAN PROGRAM FORUM PERDANA



**I**POH – Satu forum perdana yang bertajuk “Keberkatan Dalam Hidup” diadakan di perkarangan Masjid Asy-Syakirin, Kg. Tersusun Tasek, Bercham, Ipoh dihadiri seramai 500 orang. Program ini merupakan anjuran Unit Dakwah dan Promosi, Bahagian Zakat, MAIPk dengan kerjasama Jawatankuasa Kariah Masjid Asy-Syakirin. Ahli-ahli panel terdiri daripada Dato’ Sheikh Mohamah Nor bin Mansor dan Ustaz As’ad bin Awang manakala moderator pula ialah Ustaz Munawir bin Mohamed Noh.



**M**ANJUNG – Satu forum perdana bertajuk “Keberkatan Dalam Hidup” anjuran MAIPk Daerah Manjung dengan kerjasama Jawatankuasa Kariah Masjid Alang Iskandar Shah, Kg. Dato’ Seri Kamaruddin, Manjung pada 20 Disember 2012. Program ini dihadiri seramai 300 orang. Ahli-ahli panel terdiri daripada Ustaz Hj Asad bin Awang dan Ustaz Abdul Jabbar bin Mohd Kahar manakala moderator pula ialah Ustaz Ahamad Muzammil bin Arbain. Antara tetamu kenamaan yang hadir ialah YDH. Orang Besar Jajahan Manjung, Dato’ Abd Wahab bin Dato’ Seri Azizul Hassan.



**B**ATU KURAU – Pada 21 November 2012 diadakan satu forum perdana bertajuk “Mukmin Yang Berjaya” di Masjid Al-Kurauwi, Batu Kurau, Perak. Ahli-ahli panel forum perdana ini ialah Dato’ Sheikh Mohamah Nor bin Mansor dan Ustaz Munawir bin Salehuddin manakala Ustaz Munawir bin Mohamed Noh bertindak sebagai moderator. Hampir 200 orang mengikuti forum perdana ini. Turut hadir di forum perdana ini ialah YB. ADUN Batu Kurau, Kapt. (B) Dato’ Hj. Mohd. Najmuddin bin Elias. Forum perdana ini dianjurkan bersama oleh MAIPk Daerah Taiping dan Unit Dakwah dan Promosi Bahagian Zakat, MAIPk dengan kerjasama Jawatankuasa Kariah Masjid Al-Kurauwi, Batu Kurau, Perak.



BENGKEL SISTEM E-AGIHAN UNTUK SEBAHAGIAN PEKHIDMAT MAIPk DIADAKAN PADA 03 SEHINGGA 06 SEPTEMBER 2012.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPk MENYANTUNI GOLONGAN WARGA EMAS DI MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA 'AIDILFITRI 1433H MAIPk PADA 11 SEPTEMBER 2012.



PEKHIDMAT MAIPk SEDANG MENGIKUTI BENGKEL SISTEM PEACHTREE PADA 12 SEPTEMBER 2012.



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN AGIHAN ZAKAT DAN ANUGERAH AMIL CEMERLANG 2011/2012 ANJURAN MAIPk DAERAH GERIK DIHADIRI OLEH ORANG BESAR JAJAHAN HULU PERAK DAN KETUA PENOLONG SETIAUSAHA MAIPk PADA 13 SEPTEMBER 2012.



KURSUS BINA INSAN UNTUK SEBAHAGIAN PEKHIDMAT MAIPk DIADAKAN PADA 25 SEPTEMBER 2012.



SEBAHAGIAN PEKHIDMAT MAIPk MENGHADIRI KURSUS PERUNDANGAN DAN PENTADBIRAN TANAH PADA 15 SEHINGGA 17 OKTOBER 2012.



PEKHIDMAT MAIPk, UNIT PROMOSI DAN DAERAH BATU GAJAH MENJAGA KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN YANG DIBUKA SEMPENA KARNIVAL WEB KAMPUNG MESRA ICT DAERAH BATU GAJAH PADA 02 SEHINGGA 04 NOVEMBER 2012.



MAJLIS PELANTIKAN AMIL DAN PELANCARAN REBAT CUKAI DIADAKAN PADA 22 NOVEMBER 2012.



EKSEKUTIF PROMOSI MAIPk MEMBERIKAN TAKLIMAT ZAKAT KEPADA PESERTA AMANAH IKHTIAR MALAYSIA ZON HULU PERAK PADA 26 NOVEMBER 2012.



PENOLONG SETIAUSAHA BAHAGIAN HARTANAH DAN PELABURAN MENYERAHKAN CENDERAMATA KEPADA PIHAK PERBADANAN KEMAJUAN ISLAM JOHOR PADA 26 NOVEMBER 2012.



PENERIMA BANTUAN MENERIMA SUMBANGAN SEMPENA KEMBARA ZAKAT PERINGKAT KEBANGSAAN ZON UTARA DIADAKAN PADA 27 NOVEMBER 2012.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPk MENYAMPAIKAN TAKLIMAT ZAKAT KEPADA PARA KAKITANGAN LEMBAGA AIR PERAK PADA 14 DISEMBRI 2012.



## **PROGRAM JEJAK ASNAF AL-MUTA'AFFIFUN SIRI 1**

ENGGONG – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak Daerah Lenggong terus melaksanakan program agihan zakat pada tahun 2012 di kampung-kampung terpilih sekitar Daerah Lenggong. Satu Program Jejak Asnaf Al-Muta’affifun Siri 1 yang julung-julung kalinya diadakan oleh MAIPk Daerah Lenggong pada 30 Oktober 2012. Antara kampung yang terlibat adalah Kg Luat, Kg Ulu Lenggong, Kg Kota Tampan Air dan Kg Sumpitan. Sebanyak 5 buah rumah asnaf telah dikunjungi hasil maklumat daripada masyarakat. Sumbangan berupa beras dan barang keperluan dapur seperti minyak, milo, tepung, bijun, gula, susu dan biskut diaghikan kepada keluarga-keluarga tersebut. Di samping itu, pihak MAIPk Daerah Lenggong membantu keluarga tersebut menyempurnakan borang permohonan bantuan untuk diproses selanjutnya.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi perhatian tentang wujudnya golongan Al-Muta’affifun iaitu golongan yang disebut dalam Surah Al Baqarah, ayat 273. Golongan ini tidak meminta-minta bantuan, enggan memohon, tiada maklumat mengenai bantuan zakat, masalah perhubungan komunikasi dan kemungkinan memikirkan maruah diri

untuk dijaga. Sehubungan dengan itu, program ini diharap dapat membantu golongan Al-Muta’affifun supaya tidak ketinggalan daripada segi kebajikan sosial dan taraf hidup selaras dengan maqasid syariah dalam membina masyarakat yang sejahtera. Program ini diketuai oleh Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, Encik Zulfadli bin Baharum dengan disertai pekhidmat-pekhidmat MAIPk Daerah Lenggong.



## **Program KARNIVAL KESIHATAN TAIPING**

TAIPING – Hospital Taiping telah menganjurkan satu Program Karnival Kesihatan bertempat di tapak letak kenderaan berbumbung pada 12 Disember 2012 yang dihadiri oleh pelbagai agensi terdiri daripada JPAM, PDRM, SPR, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) serta jabatan-jabatan lain. Sebanyak 15 gerai telah disediakan bagi menjayakan program tersebut. Program ini dimulakan dengan persembahan tarian aerobik oleh staf-

staf Hospital Taiping dan diteruskan dengan perasmian oleh Datuk Shalimin Ahmad Shaffie selaku Setiausaha Politik Menteri Besar Perak pada pukul 8.30 pagi. Turut hadir sama Pengarah Hospital Taiping, Dr Mohd Yassim Abdul Rahman dan pegawai pelawat hospital.

Pihak hospital telah berbesar hati menjemput MAIPk Daerah Taiping bagi mengendalikan urusan membuka kaunter promosi, pameran dan pembayaran zakat. Antara aktiviti yang

dijalankan oleh MAIPk Daerah Taiping adalah mempromosi dan berkempen mengenai perkara yang berkaitan dengan zakat, pungutan zakat, menjawab permasalahan tentang zakat, pembahagian pusaka, tanah-tanah baitulmal dan wakaf serta memberi penerangan berkaitan peranan MAIPk terhadap masyarakat Islam. Program ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati MAIPk kepada wakil pihak hospital dan berakhir pada pukul 1.00 petang.

# Takat TANAMAN

## LATAR BELAKANG

Tanah termasuk dalam kategori aset fizikal yang hasilnya wajib untuk dizakatkan. Peraturan fiqh terhadap produk tanah juga berbeza-beza sesuai dengan kategori pemilikan tanah seperti berikut :

- **Al-Ardhi Al-Usriyah** – iaitu tanah tадahan hujan. Produk daripada tanah jenis ini termasuk dalam kategori zakat hasil pertanian.
- **Al-Ardhi Al-Kharraj** – tanah yang wajib dikeluarkan cukai.

## DEFINISI

Zakat tanaman ialah zakat hasil tanaman yang diusahakan orang Islam yang menjadi makanan asasi yang mengenyangkan ke atas sesebuah negeri sama ada dalam bentuk biji-bijian atau buah-buahan dengan syarat-syarat tertentu.

## DALIL AL-QURAN

Maksud ayat 267, Surah Al-Baqarah :

*“Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”*

## SUMBER ZAKAT TANAMAN

- **Bijian**  
Padi, gandum, jagung, sekoi, jenis-jenis kacang dan seumpamanya.
- **Buah-buahan**  
Kurma dan angur

## SYARAT WAJIB ZAKAT TANAMAN

- Islam
- Merdeka
- Sempurna Milik
- Cukup nisab  
400 gantang (bersamaan 1306 kg)
- Penanaman dilakukan oleh manusia
- Tanaman tersebut merupakan makanan asasi yang boleh mengenyangkan dan tahan disimpan lama

## KADAR WAJIB ZAKAT TANAMAN

Biji-bijian dan buah-buahan yang cukup nisabnya diwajibkan zakat mengikut peratus penghasilannya. Kadar peratus pembayarannya bergantung kepada kaedah penghasilannya berdasarkan kepada Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud :

*“Pada yang dijirus oleh sungai dan hujan sepuluh peratus dan pada yang dijirus dengan menggunakan unta lima peratus”.*

(Riwayat Muslim)

## FATWA PERATUSAN ZAKAT PADI DI NEGERI PERAK


*“Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak pada 2 – 4 November 2010 memperaku dan menerima dengan kadar wajib zakat padi adalah sebanyak 5% (1/20) daripada hasil kasar padi untuk diterima pakai oleh umat Islam di Negeri Perak Darul Ridzuan.”*



## PENYATA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT BAGI TAHUN 2012\*

### PUNGUTAN ZAKAT TAHUN 2012


(Jumlah Pungutan Zakat Tahun 2012  
ialah RM99,577,582.60)



\* Belum diaudit

### AGIHAN ZAKAT TAHUN 2012

(Jumlah Agihan Zakat Tahun 2012  
ialah RM82,683,568.86)



- RM7,966,896.00  
(Zakat Fitrah)
- RM46,842,431.41  
(Zakat Harta)
- RM42,849,314.05  
(Zakat Perniagaan)
- RM1,918,941.14  
(Zakat Tanaman)

- RM11,099,694.02  
(Amil)
- RM3,243,599.99  
(Muallaf)
- RM615,387.55  
(Ibnu Sabil)
- RM45,725,081.26  
(Fakir dan Miskin)
- RM473,392.55  
(Ghorimin)
- RM21,526,413.49  
(Fisabilillah)


## SEBAHAGIAN SENARAI NAMA SEKOLAH MENERIMA BANTUAN PERSEKOLAHAN TAHUN 2012\*

Bil.	Nama Sekolah	Bilangan Pelajar	Jumlah Bantuan (RM)
<b>DAERAH IPOH</b>			
1.	SMK Dato Haji Mohd Taib	129	33,200.00
2.	SMK Seri Ampang	32	6,750.00
3.	SK Silibin	86	13,000.00
4.	Sk Tasek Damai	77	11,550.00
<b>DAERAH PARIT BUNTAR</b>			
5.	SMK Raja Lope Nor Rashid	148	49,672.00
6.	SMK Panglima Bukit Gantang	104	24,286.00
7.	SMA Al-Hidayah	44	17,326.00
<b>DAERAH TAPAH</b>			
8.	SMK Sungai Kruit	91	35,400.00
9.	SMK Chenderiang	76	26,700.00
10.	Maahad Al-Abbasiah	75	54,600.00
<b>DAERAH MANJUNG</b>			
11.	SMK Batu 10, Lekir	149	19,950.00
12.	SMK Dato' Idris Pengkalan Bharu	117	35,400.00
13.	SMK Ahmad Boestamam	94	14,300.00
14.	SMK Seri Samudera	73	19,493.70

Bil.	Nama Sekolah	Bilangan Pelajar	Jumlah Bantuan (RM)
<b>DAERAH KUALA KANGSAR</b>			
15.	SMK Simpang Beluru	45	11,250.00
16.	SMK Tok Muda Abdul Aziz	23	5,850.00
17.	SMK Sultan Tajul Arifin	23	5,650.00
18.	SK Perlop I	23	3,450.00
<b>DAERAH PENGKALAN HULU</b>			
19.	SMK Tun Saban	58	20,400.00
20.	SMA Al-Yusufiah	35	17,300.00
21.	SK Klian Intan	14	5,000.00
<b>DAERAH SERI ISKANDAR</b>			
22.	SMK Layang-Layang Kiri	270	70,967.00
23.	SMK Dato' Abdul Rahman Yaakub	225	49,197.30
24.	SMK Iskandar Shah	152	35,049.10
<b>DAERAH LENGGONG</b>			
25.	SMK Sultan Azlan Shah	102	20,400.00
26.	SMK Tan Sri Aziz	61	12,200.00
27.	SK Lenggong	58	11,600.00
28.	SK Banggol Belimbing	27	5,400.00

\* Jumlah agihan bantuan persekolahan pada tahun 2012 ialah RM2.763 juta

## SEBAHAGIAN NAMA PENERIMA BANTUAN BINA DAN BAIK PULIH RUMAH TAHUN 2012\*



RUMAH PEMOHON SEBELUM  
DIBAIK PULIH



RUMAH PEMOHON SELEPAS  
DIBAIK PULIH



RUMAH PEMOHON SEBELUM  
DIBINA RUMAH YANG BAHARU



RUMAH PEMOHON YANG BAHARU  
DI TAPAK LAIN

Bil.	Nama	Jumlah Bantuan (RM)
------	------	---------------------

### BINA RUMAH

DAERAH IPOH		
1.	Rakiah bt. Kulop Ahmad	33,000.00
2.	Rahimah bt. Md. Nor	33,000.00
3.	Dzulkifly b. Oden	33,000.00
4.	Ramlah bt. Panjang	28,500.00
5.	Aminah bt. Alang	28,500.00
6.	Asmah bt. Jaffar	28,500.00

DAERAH BATU GAJAH		
7.	Asrul Azaziz b. Abdul Rashit	33,000.00
8.	Kamarul Zaman b. Nordin	33,000.00
9.	Abdul Latif b. Mat Rashid	33,000.00

DAERAH KG. GAJAH		
10.	Kamarudin b. Mahidin	33,000.00
11.	Mat Noor b. Yeop	28,500.00

DAERAH MANJUNG		
12.	Ishak b. Kamis @ Saidin	33,000.00
13.	Rosman b. Mohamed Nasir	33,000.00
14.	Rosiah bt. Mohamed	33,000.00
15.	Ahmad b. Saad	33,000.00
16.	Robiah bt. Ahmad	28,500.00

Bil.	Nama	Jumlah Bantuan (RM)
------	------	---------------------

### DAERAH SERI ISKANDAR

17.	Mohd Ali b. Khalid	33,000.00
18.	Jamaliah bt. Zakaria	33,000.00

### DAERAH TELUK INTAN

19.	Abdul Rahman b. Mokhtar	33,000.00
20.	Salasiah bt. Hashim	33,000.00
21.	Halim Hamid b. Mat Nor	28,500.00

### DAERAH TAPAH

22.	Marina bt. Afandi	33,000.00
23.	Jamaluddin b. Ibrahim	33,000.00
24.	Robiah bt. Ngah	28,500.00

### DAERAH SELAMA

25.	Noraliza bt. Abdul Manaf	33,000.00
26.	Ishak b. Karim	33,000.00
27.	Karim b. Hamid	33,000.00

### DAERAH GERIK

28.	Sareepha bt. Dorme	33,000.00
29.	Afiza bt. Ahamed	28,500.00

### DAERAH LENGGONG

30.	Ahmad Sohaimi b. Hatib	33,000.00
-----	------------------------	-----------

### BAIK PULIH RUMAH

DAERAH IPOH		
1.	Abdul Manaf b. Ali	10,000.00
2.	Amir b. Kasim	10,000.00
3.	Leha bt. Saad	10,000.00

DAERAH SELAMA		
10.	Ahmad Puat b. Kamar	15,000.00
11.	Ahmad Bakri b. Che Umar	15,000.00
12.	Sabariah bt. Hamzah	12,000.00

### DAERAH PARIT BUNTAR

13.	Satariah bt. Tamin	16,000.00
14.	Rokiah bt. Din	15,000.00
15.	Fatimah bt. Saad	15,000.00

### DAERAH TAPAH

16.	Nor Azlinda bt. Abdul Aziz	10,000.00
17.	Jamaluddin bt. Megat Ramli	10,000.00
18.	Tasiah bt. Ahmad	10,000.00

\* Jumlah agihan bantuan bina dan baik pulih rumah pada tahun 2012 ialah RM8.072 juta

## SEBAHAGIAN NAMA PENERIMA BANTUAN MODAL TAHUN 2012\*

Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)	Bentuk Bantuan
<b>DAERAH IPOH</b>			
1.	Amy Huzairi b. Zainal Abidin	12,000.00	Peralatan fotografi
2.	Shaharudin b. Mat Dom	10,000.00	Baik pulih gerai dan peralatan perniagaan
3.	Era Mazlin bt. Isahak	10,000.00	Peralatan perniagaan
4.	Salina bt. Seliman	7,000.00	Peralatan perniagaan
5.	Nina bt. Abdul Rahim	6,800.00	Peralatan perniagaan
6.	Asma bt. Hashim	6,000.00	Peralatan perniagaan
7.	Jasmin bt. Gulam Hussein	5,800.00	Peralatan perniagaan
8.	Noor Syah Nizam b. Zulkifli	5,600.00	Motorsikal roda tiga
9.	Norazizuddin b. Haruna Rashid	5,000.00	Peti ais dan stok ayam organik
10.	Suhaila bt. Ghazali	5,000.00	Peralatan perniagaan
<b>DAERAH KUALA KANGSAR</b>			
11.	Ahmad Fuad b. Abd Rani	6,200.00	Concrete mixer
12.	Kamal b. Mat Amin	5,749.99	Bengkel Kuih Pau
13.	Norasmah bt. Abdul Wahab	5,700.00	Motorsikal roda tiga
14.	Faridah bt. Yaacob	5,000.00	Oven
15.	Rohani bt. Yahya	5,000.00	Peralatan kedai makan
16.	Mokhtar b. Abdullah	2,593.00	Peralatan kedai makan
17.	Faridah bt. Mat Dali	1,386.80	Baik pulih gerai
<b>DAERAH SELAMA</b>			
18.	Shariza b. Samsudin	5,000.00	Gerai
19.	Mohd Amin b. Mohd Yusuf	5,000.00	Peralatan perniagaan
20.	Khairul Mazidah bt. Che Wan	5,000.00	Peralatan bakeri
21.	Mohd Naseb b. Ibrahim	4,000.00	Barang binaan bangsal
22.	Che Fauziah bt. Mat Rejab	4,000.00	Bayaran masuk air dan elektrik ke kedai
23.	Hasnah bt. Hamid	2,100.00	Peralatan perniagaan
24.	Yub Abdullah b. Saidin	2,000.00	Naik taraf perniagaan
25.	Aminah bt. Bidin	2,000.00	Mesin pengisar
<b>DAERAH BATU GAJAH</b>			
26.	Ali Apandi b. Awang Chik	15,000.00	Mesin sulam kusyen dan kain-kain kusyen
27.	Abdul Latif b. Mat Rashid	10,000.00	Peralatan menangkap ikan
28.	Mohamad b. Abu Bakar	7,000.00	Peralatan kimpalan besi
29.	Ahmad Sukri b. Hasan	5,000.00	Gerai burger
30.	Asiah bt. Mohamad	4,000.00	Peralatan perniagaan
31.	Salasiah bt. Mat Yahaya	4,000.00	Peralatan perniagaan
32.	Hj. Mohd Hairul Majih b. Abdullah	4,000.00	Peralatan perniagaan

Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)	Bentuk Bantuan
<b>DAERAH KG. GAJAH</b>			
33.	Mohd Sahar b. Endut	15,000.00	Sampan, enjin dan pukat
34.	Edah bt. Lee	2,000.00	Aset kedai jahit
35.	Muhammad b. Alias	1,500.00	Baik pulih gerai
36.	Mohd Bidin b. Abd Aziz	1,350.00	Mesin tebu
<b>DAERAH MANJUNG</b>			
37.	Hasim b. Dun	16,000.00	Sampan dan enjin
38.	Jamalulail b. Mahidin	16,000.00	Sampan dan enjin
39.	Mohamad Nor Amin b. Abdullah	16,000.00	Sampan dan enjin
40.	Isa b. Tahir	16,000.00	Sampan dan enjin
41.	Mat Saad b. Ibrahim	15,000.00	Pukat, Sampan dan enjin
42.	Mahamod b. Awang	15,000.00	Set welding
43.	Abdul Radzak b. Dali	8,700.00	Enjin 30hp
44.	Che Za bt. Idris	5,500.00	Peralatan perniagaan
45.	Ahmad Norkamar b. Che Tan	5,300.00	Baiki enjin 40hp
46.	Suszana bt. Samsuddin	5,000.00	Peralatan kraftangan
47.	Muhammad Alif Ong b. Abdullah	5,000.00	Peralatan bengkel motor
48.	Kamaruddin b. Awnit	5,000.00	Keperluan kedai runcit
49.	Rizduzan Chandrasegaran b. Abdullah	5,000.00	Pukat 3 lapis
50.	Nasrun Nesah bt. Babu	3,400.00	Peralatan menjahit
51.	Suzana bt. Mat Dahili	3,000.00	Mesin jahit
52.	Faudzi b. Mohamed Zain	3,000.00	Peralatan perniagaan
<b>DAERAH SERI ISKANDAR</b>			
53.	Roeslina bt. Osman Basha	6,800.00	Peralatan buat kuih
54.	Ahmad Fahdzil b. Alias	6,000.00	Peralatan bengkel
55.	Adzhar b. Chu Abd Rashid	4,000.00	Motorsikal
56.	Mariani bt. Mohd Zakaria	3,000.00	Bahan mentah untuk perniagaan
57.	Mariyamah bt. Mohd Zaim	3,000.00	Peralatan perniagaan
58.	Abdul Jalil b. Ibrahim	2,800.00	Alat-alat pertukangan
59.	Jefri b. Che Din	2,500.00	Modal benih burung puyuh
<b>DAERAH PARIT BUNTAR</b>			
60.	Norhasibah bt. Abd Rasid	3,700.00	Mesin jahit
61.	Azahar b. Ibrahim	2,900.00	Peralatan minuman
62.	Shamsuddin b. Atom	2,000.00	Modal perniagaan
<b>DAERAH GERIK</b>			
63.	Mohamad Basri b. Mat Saari	4,000.00	Baik pulih kedai

\* Jumlah agihan bantuan modal pada tahun 2012 ialah RM0.871 juta

## SEBAHAGIAN NAMA PENERIMA BANTUAN PERUBATAN TAHUN 2012\*

Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)	Bentuk Bantuan
<b>DAERAH IPOH</b>			
1.	Latifah	20,000.00	Pembedahan mata
2.	Nur Qurratal Ayna binti Norazhar	10,000.00	Rawatan kimoterapi
3.	Rozeyah binti Mohamad Khairi	10,000.00	Pembedahan tulang belakang
4.	Abdul Wahab bin Taib	8,700.00	Rawatan kanser
5.	Ahmad Shafawi bin Azhar	8,200.00	Kaki Palsu
6.	Asbibi binti Abdul Wahab	7,940.00	Tilam khas dan mesin penyedut kahak
7.	Muhamad Amin bin Shamsuddin	7,720.00	Susu Ensure dan Myotein
8.	Mairos Farita binti Mohamed Nordin	6,000.00	Pembedahan tulang belakang
9.	Mohd Hariri bin Mohd Nadzir	5,680.00	Pembedahan kanser
10.	Mohd Rahimi bin Ahmad Latifi	5,650.00	Implan ortopedik
<b>DAERAH BATU GAJAH</b>			
11.	Mohammad Fazri bin Alias	29,565.00	Kos pembedahan tulang belakang
12.	Wan Ahmad Effendy bin Wan Mohd Yaacob	10,000.00	Rawatan pemindahan sumsum tulang
13.	Mohd Akhir bin Mohd Noor	7,000.00	Kos barangang untuk rawatan
14.	Akram bin Choo	3,000.00	Pembedahan
15.	Mokhtar bin Hassan	3,000.00	Peralatan bilik khas
16.	Azli bin Mohd Isa	2,700.00	Pembelian katil, getah tilam dan tilam angin
17.	Hamer bin Lodin	2,000.00	Kos pembedahan isteri
<b>DAERAH KG. GAJAH</b>			
18.	Halijah binti Harun	1,500.00	Pembedahan Penukaran Injap Jantung
19.	Muhammad Rahmad Kamaruddin bin Harun	596.00	Pembelian Implant Plat dan Screw
20.	Bidin bin Abdul Aziz	500.00	Pembedahan Mata
<b>DAERAH MANJUNG</b>			
21.	Ahmad Safian bin Mohamad	6,200.00	Alat Pendengaran
22.	Mohd Salim bin Sharee	1,830.00	Pembelian Stappler untuk Pembedahan Usus
<b>DAERAH PENGKALAN HULU</b>			
23.	Othman bin Mohammad	291.00	Bil rawatan hospital

\* Jumlah agihan bantuan perubatan pada tahun 2012 ialah  
**RM13.698 juta**

Bil.	Nama	Jum. Bantuan (RM)	Bentuk Bantuan
<b>DAERAH TELUK INTAN</b>			
24.	Ahmad Rosli bin Ghozali	6,000.00	Pembayaran kos besi untuk penyambungan tulang
25.	Shamsul Bahari bin Hashim	2,200.00	Bil perubatan hospital untuk anak
<b>DAERAH KUALA KANGSAR</b>			
26.	Mohd Ibrahim A/L Syed Mohamad	9,000.00	Pembedahan
27.	Khadijah binti Muhamad	8,500.00	Pembedahan
28.	Ismail bin Abd Kader	7,170.00	Kanta implan
29.	Mahmud bin Uda Kasim	4,300.00	Kaki palsu
30.	Suliman bin Supian	3,250.00	Kanta implan
31.	Ahmad Shariman bin Jamaludin	2,600.00	Kerusi roda
32.	Mohamed bin Mohamed Ibrahim	1,450.00	Kantra intraokular
<b>DAERAH TAPAH</b>			
33.	Muhammad Shahril Azrie bin Zainudin	8,230.00	Kanta mata
34.	Noor Sharida binti Muhammad Nadzri	2,000.00	Alat bantu pendengaran
<b>DAERAH SELAMA</b>			
35.	Mohd Idham bin Hassan	45,750.00	Pembedahan
36.	Mohd Adib bin Hj. Abdul Rahman	8,000.00	Pembedahan
37.	Suryani binti Abd Manan	6,000.00	Pembedahan
38.	Mohd Isa bin Lebar	4,950.00	Kaki palsu
39.	Mohamad Sabri bin Hamid	3,000.00	Biaya alat perubatan
40.	Mat Yatim bin Che Teh	2,850.00	Alat pendengaran
<b>DAERAH GERIK</b>			
41.	Mohammad Azroy Bin Embi	6,500.00	Implant kaki
42.	Sulaiman Bin Majid	442.00	Rawatan Buah Pinggang
43.	Naznan B. Md Ali	5,000.00	Rawatan Kencing Manis
44.	Zainu Bin Sulaiman	2,000.00	Rawatan di IJN
<b>DAERAH SERI ISKANDAR</b>			
45.	Abu Hassan bin Pandak Ibrahim	13,500.00	Pembelian implant
46.	Nasaruddin bin Ramli	1,200.00	Deposit untuk pembedahan
47.	Abdul Rahman bin Alang Abdul Ghafa	710.00	Pembelian Kanta Mata
48.	Ngah Jameah binti Dollah	500.00	Pembelian Ubat

## • PEMBAYARAN ZAKAT •



TUAN HJ. ZAINI BIN HAJI OTHMAN DARI MALAYSIA BUILDING SOCIETY BHD (MBSB) WILAYAH UTARA MENYERAHKAN CEK ZAKAT PERNIAGAAN MBSB WILAYAH UTARA BERJUMLAH RM16,485.00 KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK PADA 26 SEPTEMBER 2012.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAYBANK ISLAMIC BHD.,  
ENCIK MUZAFFAR HISHAM MENYERAHKAN CEK ZAKAT  
PERNIAGAAN BERJUMLAH RM350 RIBU KEPADA KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK PADA 27 OKTOBER 2012.



PENGURUS OPERASI KPJ IPOH SPECIALIST HOSPITAL,  
ENCIK ANAS BIN MUKHSIN MENYERAHKAN CEK ZAKAT  
PERNIAGAAN KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK  
BERJUMLAH RM290 RIBU PADA 22 NOVEMBER 2012.



ENCIK MOHAMAD SUFIAN BIN ISMAIL MEWAKILI TAIPING  
MEDICAL CENTRE MENYERAHKAN CEK ZAKAT PERNIAGAAN  
KEPAD A KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK BERJUMLAH  
RM20,009.50 PADA 22 NOVEMBER 2012.



PADA 21 DISEMBER 2012, PIHAK PUBLIC ISLAMIC BANK  
BHD. DIWAKILI OLEH ENCIK AHMAD ZUBAINI BIN OSMAN  
MENYERAHKAN CEK ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA PEGAWAI  
AGAMA MAIPK BERJUMLAH RM16,000.00.



PIHAK AM ISLAMIC BANK BHD. DIWAKILI OLEH ENCIK ZULFIKRY BIN  
ZAINAL MENYERAHKAN CEK ZAKAT PERNIAGAAN BERJUMLAH  
RM18,000.00 KEPADA PEGAWAI AGAMA MAIPK PADA  
21 DISEMBER 2012.



PIHAK BERNAS (PADI BERAS NASIONAL BERHAD)  
MENYERAHKAN CEK ZAKAT PERNIAGAAN BERJUMLAH  
RM397,684.00 KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PADA 27 NOVEMBER 2012.